



**Forum: Bicara Akhlak & Tasawuf**

**Topic: Beribadat tanpa inginkan syurga??**

**Subject: Re: Beribadat tanpa inginkan syurga??**

Posted by: MFR\_STUDIO

Posted on: 2006/8/8 21:28:42

saya melihat artikel yg dimasukkan di sini (isi kandungannya) ada cubaan utk meremehkan prinsip jiwa yang selalu dipegang oleh golongan sufi iaitu mengharapkan keredhaan Allah dalam beribadah.

pertama lihat tajuk thread ini."beribadat tanpa inginkan syurga?"

ia adalah suatu persoalan. kemudian dalil-dalil yang dipetik dari al quran cuma menjelaskan kedudukan syurga yang merupakan ganjaran terbaik dan teragung dari Allah buat hambaNya yang bertaqwa.dalil-dalil itu tidak langsung mampu membuktikan bahawa suatu yang menjadi kesalahan kerana beribadah semata-mata demi Allah dan kerana Allah. malah sememangnya itulah yang dituntut buat kita.

ganjaran2 Allah cuma sebagai berita2 gembira membuktikan bahawa Allah tak pernah mensia-siakan hambaNya yang mengabdikan diri padaNya. namun bukanlah matlamat beribadah itu untuk meraih ganjaran syurga. namun jika ada kemahuan dan keinginan itu tidaklah salah pula,cuma hati2 dengan jiwa kita kerana kita mesti faham bahawa syarat ibadah diterima sebagai ibadah ialah ikhlas.

bagi ahli sufi, untuk mendidik jiwa maka jangan difikirkan atas ganjaran,malah di dunia lagi para ahli sufi telah cuba menjauhkan kemewahan dengan bersikap zuhud. supaya sifat cinta dunia tidak wujud dalam diri. ini semua merupakan sifat berhati-hati supaya hati sentiasa terjaga. sentiasa beribadah kepada Allah kerana diri kita hamba Allah. kita dijadikan semata-mata untuk beribadah pada Allah. moga2 Allah redha dengan diri kita dan ampunkan dosa2 kita. itulah pendirian ahli sufi yang tidak mengharapkan syurga. kerana hanya mahu tumpu pada keredhaan Allah.

namun bukanlah bermakna bahawa ahli sufi memandang hina syurga Allah seperti memandang hina kelazatan dunia. syurga Allah itu ganjaran Allah sebagai bukti Allah redha buat kita, maka tentulah kita menerima ganjaran itu. namun bukan kita beribadah mahu diberi ganjaran.

contoh, kita ingin meminta maaf pada seseorang yang kita kasih padanya. katalah isteri kita. kita dah buat salah pada isteri kita. maka kita pun minta maaf lah sungguh2 dan kita masak nasi goreng bersama telur mata kerbau untuk isteri kita. kita pun hidang kat depan isteri kita sambil berkali-kali minta maaf. kemudian isteri kita senyum dengan manis dan kucup pipi kita tanda sudah memaafkan.

di sini bukan tujuan kita mahu dikucup pipi, tapi tindakan kucup pipi itu sebagai tanda isteri kita sudah maafkan kita maka kita amatlah hepi dengannya. tidak pula kita menganggap kucupan isteri kita tu jijik dan kita cuma mahu kemaafan je. tidak mengharapkan kucupan bukan bererti kita nak menolak kucupan itu.

namun tak salah pula kalo kita masak nasi goreng dan minta maaf kemudian dalam hati kita berdoa,moga-moga isteri kita kucup kita. tak salah. cuma ada sedikit berlainan dari situasi pertama.

konsep mengharap keredhaan Allah dan bukan mengharapkan syurga bukan bererti kita pandang syurga Allah hina.

cuma artikel tersebut mahu buktikan bahawa tidak perlu bersusah payah untuk mengelak dari mengharap ganjaran kerana ganjaran mmg dah disebut dalam quran untuk diberi pada orang bertaqwa.

artikel itu dimanfaatkan oleh orang2 yg telah berkeyakinan bahawa tasawwuf merupakan ilmu yang sesat malah saya berpengalaman mendengar penerangan dari seorg teman yg baru mengikuti kuliah ustaz "salafi" (mereka mahu dianggap sbg salafi dan bukan wahabi. salafi bererti golongan terdahulu iaitu merujuk kepada golongan yang mengikut jalan rasulullah di zaman awal islam.),teman saya berkata bahawa imam ghazali sendiri mahu membakar buku2 tasawwufnya. saya tak mahu bicara panjang ttg ini,cuma saya ingin ingatkan bahawa tasawwuf bukan ilmu sesat atau bidaah.

saya tergerak untuk memberi respon setelah encik sam\_seng menyatakan ayat seakan-akan ingin melucu-lucukan doa seorang sahabat yg menyesali dosanya sehingga merasakan tidak layak lagi masuk syurga Allah,namun merasakan neraka dan azab Allah itu terlalu seksa untuk dipilih. (saya yakin encik sam\_seng tidak berniat untuk melucu-lucukan cuma saya bimbang jika ada pihak yg telah disumbat dengan kefahaman bahawa tasawwuf ilmu sesat maka akan mengambil kesempatan persoalan nak pergi mana jika tak ke syurga dan neraka,untuk mentertawakan prinsip jiwa tidak mengharapkan syurga Allah dalam beribadah.)

jika saudara sam\_seng mahu tahu ke mana ingin dituju sahabat itu,maka kenalah ikuti doa itu sehingga habis.

dalam sambungan doa itu, sahabat itu akhirnya mengharapkan keampunan Allah atas dosa2 nya. maka ke situlah yang ingin dia tuju. dia ingin tuju keampunan dan keredhaan Allah.

dia rasa tak layak ke syurga. (tapi jika Allah bagi syurga tentulah dia terima ngan hepi) tapi dosa dia besar sgt dia rasa.maka dia rasa tak layak ke syurga.

tapi dia takut nak ke neraka. (kat sini dia akui bahawa hanya ada syurga dan neraka tempat yg ditujui.kalo dia tak rase layak ke syurga maka dia tak mahu pula disumbat ke neraka.)

dan kemudian dia cuma harapkan Allah ampunkannya. itu dah cukup besar bagi dia. (dia tanak pk lebih2 la..tapi kompem la kalo Allah ampunkan dia akan dimasukkan ke syurga. ke mana lagi nak pergi bg insan yg diampuni dosa? tentulah syurga)

dia ingin tuju keampunan dan keredhaan Allah. (dan insyaAllah Allah akan beri dia syurga atas keikhlasan dia bertaubat).

jadi harap encik sam\_seng jelas kat sini.

kalo tak jelas.. saya bg contoh isteri tadi balik.

tak rasa layak untuk dikucup. tapi tak sanggup nak tengok isteri bermasam muka. harap isteri akan maafkan.(kalo isteri kucup maknenye semua dah dimaafkanlah.kalo kata maaf pastu masam lagi,belum kompem la dimaafkan.)

untuk sesiapa yang tak kenal wahabi.. pergi ke link tradisional islam yang saya bagi sebelum ni dan pergi juga ke blog usaha teman saya di ireland,saudara tawel sensei.

[klik sini](#)